

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 NOVEMBER 2016

Jangan gadai masa depan

Um - 15/11/2016
KUALA LUMPUR 14

Nov. - Golongan muda dinasihatkan agar jangan menggadaikan masa depan hanya kerana terpengaruh dengan permainan politik Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Penasihat DAP, Lim Kit Siang menerusi pakatan hipokrit yang dijalinkan mereka.

Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak), Tan Sri Abdul Aziz Rahman berkata, matlamat yang menyatukan Dr. Mahathir dan Kit Siang hanya satu iaitu menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Dr. Mahathir memang begini cara beliau. Beliau hanya bersama mereka yang ada matlamat sama dengannya.

“Golongan muda jangan lelong perjuangan hanya semata-mata terpengaruh dengan politik pakatan Dr. Mahathir dan Kit Siang yang mengambil kesempatan antara satu sama lain,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Dalam pada itu, menurut Pengerusi Veteran UMNO Kelantan, Datuk Rozali Isohak, pejuang-pejuang UMNO perlu berpegang teguh kepada parti supaya ia tidak diganggu-gugat oleh sentimen yang boleh merosakkan parti dan pemerintahan negara seperti yang dilakukan oleh Dr. Mahathir.

Sementara itu, Exco Pemuda UMNO Malaysia, Sheikh Nafiq Alfirdaus berkata, sikap yang ditunjukkan Dr. Mahathir tidak boleh diterima dan sewajarnya dikecam.